

Soalan No : 10

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. ONG KIAN MING

TARIKH : 19.10.2015

SOALAN : 10

Dr. Ong Kian Ming [Serdang] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan dasar mengenai pengecualian bayaran balik pinjaman PTPTN untuk kepujian kelas 1 yang diperolehi melalui rayuan bagi kes borderline dan untuk program 1 + 2 dan 2 + 1 di institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PTPTN melaksanakan dasar pinjaman boleh ubah yang mengecualikan bayaran balik bagi lulusan graduan Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama mulai tahun 2003. Langkah ini diambil atas keprihatinan Kerajaan untuk mengiktiraf pelajar-pelajar cemerlang Institusi Pendidikan Tinggi dan menunjukkan komitmen Kerajaan terhadap usaha melahirkan modal insan yang berilmu. Kelulusan pengecualian bayaran balik kepada peminjam PTPTN memerlukan semakan terperinci kerana melibatkan jumlah amanun pelupusan pinjaman yang besar. Sehingga 31 Ogos 2015 seramai 29,674 peminjam telah mendapat manfaat pengecualian bayaran balik melibatkan jumlah sebanyak RM804.67 juta.

Pengecualian bayaran balik pinjaman PTPTN untuk rayuan kelas pertama bagi kes “*borderline*” dan program 1 + 2 dan 2 + 1 di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) boleh dipertimbangkan sekiranya pelajar memenuhi peraturan penganugerahan kelas pertama di IPTS dan mendapat kelulusan Senat.